

KEBANGKITAN SEMULA HARIMAU ASIA

Pada 1 April 2019, telah berlangsungnya konvensyen yang dinamakan sebagai Konvensyen Kebangkitan Harimau Asia bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UITM). Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Turut hadir semasa Konvensyen ini adalah nama-nama besar seperti Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Menteri Hal Ehwal Ekonomi), Syed Saddiq (Menteri Belia Dan Sukan), Dr Maszlee Malik (Menteri Pendidikan), Datuk Osman Sapian dan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Terdahulu, Malaysia dikenali sebagai Harimau Asia kerana kekuatan penubuhan ekonominya di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Namun, kekuatan itu semakin hilang dan perlu dibangkitkan semula. Oleh yang demikian, Konvensyen ini merupakan satu platform untuk membangkitkan semangat Harimau Asia dengan perbincangan oleh pengaruh-pengaruh ternama Malaysia.

Antara isu yang dibincangkan adalah hal-hal yang berkaitan dengan politik, ekonomi dan sosial. Isu hutang, isu golongan anak muda dan juga ekonomi Malaysia turut dibincangkan dalam konvensyen tersebut. Konvensyen ini disaksikan oleh sebilangan besar nama-nama di dalam sektor awam dan swasta, selain badan bukan kerajaan (NGO), institusi, pelajar dan juga orang awam. Walaupun agak sukar untuk membangkitkan semula Harimau Asia ini, tetapi Tun Dr. Mahathir yakin bahawa Malaysia mampu mengaum di bawah tampuk kepimpinan beliau sekali lagi.



Kongres Makanan Warisan 2019

'Definisi & Identiti Makanan Warisan Melayu'

Pada 23 April sehingga 24 April 2019 telah berlangsungnya Kongres Makanan Warisan bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, berangkat mencemar duli untuk merasmikan Kongres Makanan Warisan 2019 ini. Majlis yang bertemakan 'Definisi & Identiti Makanan Warisan Melayu' ini diadakan bertujuan untuk menghimpunkan makanan warisan bangsa Melayu dari satu rumpun. Di samping meningkatkan taraf peninggalan makanan warisan Melayu ke arah globalisasi, Kongres ini juga sebagai platform pemindahan dan jangkauan ilmu masyarakat serta untuk meningkatkan pengetahuan dan membina generasi pewaris bangsa.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri, membuktikan kesungguhan dan keprihatinan Institusi Diraja dalam mendekatkan lagi hubungan dengan rakyat jelata. Kongres ini dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan UiTM Puncak Alam, dengan kerjasama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, dan Jabatan Warisan Negara.





Konferensi Akademik UiTM 2019



30 April 2019 bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam telah diadakan Konferensi Akademik UiTM 2019. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim dan turut dihadiri oleh barisan pengurusan eksekutif UiTM. Tema konferensi akademik bagi tahun ini ialah Education 5.0@UiTM Navigating The Future.

Perubahan pantas di persada global yang antaranya melibatkan teknologi pintar, ekosistem digital dengan internet pantas dan aplikasi cloud based mudah capai, kandungan media yang kaya (rich media content), open access dan entrepreneurial ventures rata-rata akan menjadikan senario pendidikan pada tahun-tahun akan datang berbeza dari yang sebelumnya. Justeru itu, UiTM telah merangka Education 5.0@UiTM yang dijangka memandu penggunaan teknologi dengan bersandarkan nilai dan mengutamakan prinsip 'learning centred'.

Bagi menghargai kecemerlangan staf akademik UiTM dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan, majlis penyampaian Anugerah Akademik UiTM turut diadakan bersekali dengan program konferensi.



SENARAI PENERIMA ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU) 2018

			
Anugerah Tokoh Akademik Profesor Dato' Dr. Mohamed Ibrahim Bin Abu Hassan Dekan Fakulti Pergiagan	Anugerah Ahli Akademik Harapan (Kelompok Sains dan Teknologi) Dr. Mohamad Fariz Bin Mohamad Taib Fakulti Sains Gunaan	Anugerah Ahli Akademik Harapan (Kelompok Pengurusan dan Perniagaan) Dr. Haji Abdul Rahim Bin Haji Ridzuan UiTM Cawangan Melaka	Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Kelompok Sains Teknologi & Perubatan) Dr. Cindy Tan Soo Yun UiTM Cawangan Sarawak
			
Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Kelompok Sains Sosial & Kemanusiaan) Profesor Madya Dr. Mohd Rizaimy Bin Shaharudin UiTM Cawangan Kedah	Anugerah Pengajaran (Kelompok Pengurusan & Perniagaan) Oswald Timothy Edward UiTM Cawangan Johor	Anugerah Pengajaran (Kelompok Sains Sosial & Kemanusiaan) Ts. Dr. Roslinda Binti Alias Fakulti Pendidikan	Anugerah Pengajaran (Kelompok Teknologi) Ts. Dr. Suraya Binti Masrom UiTM Cawangan Perak
			
Anugerah Penerbitan Buku Dr. Muhammad Hakimi Tew Bin Abdullah UiTM Cawangan Negeri Sembilan	Anugerah Khas Seni & Kreativiti (Kelompok Seni Persembahan) Dr. Masashi Kishimoto Fakulti Muzik	Anugerah Seni & Kreativiti (Kelompok Seni Visual) Profesor Madya Jalaini Bin Abu Hassan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka	Anugerah Kepimpinan Akademik Profesor Dr. Zakiah Binti Ahmad Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam
			
Anugerah Penyelidik Terbaik (Kelompok Sains & Teknologi) Profesor Ts. Dr. Shanker Kumar A/L Sinnakaudan UiTM Cawangan Pulau Pinang	Anugerah Penyelidik Terbaik (Kelompok Pengurusan dan Perniagaan) Profesor Madya Dr. Shafinar Binti Ismail UiTM Cawangan Melaka	Anugerah Penyelidik Terbaik (Kelompok Sains Sosial & Kemanusiaan) Dr. Nur Nafhatun Bt Md Shariff Akademi Pengajian Islam Kontemporari	Anugerah Penulis Paling Prolifik Profesor Madya Datuk Dr. Ismail Bin Sualman Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
			
Anugerah Penceramah Terbaik Dr. Sharifah Muzlia Binti Syed Mustafa Fakulti Pendidikan	Anugerah e-Pembelajaran Dr. Prasanna A/P Ramakrisnan Institut Pendidikan Neo	Anugerah Penyelia Terbaik Ts. Ir. Dr. Mohamad Hafiz Bin Mamat Fakulti Kejuruteraan Elektrik	

PERUTUSAN PENTADBIRAN 2019



25 APRIL 2019
DEWAN AGUNG
8.30 PAGI -

(DATC)

25 April 2019, bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), telah berlangsungnya Majlis Perutusan Pentadbiran bagi tahun 2019. Perutusan ini diadakan pada setiap tahun bagi menyampaikan hasrat, amanat dan info perkembangan universiti kepada semua staf pentadbiran UiTM.

Perutusan pentadbiran dimulakan oleh YBrs. Puan Azida Azmi, Pendaftar yang telah menyampaikan beberapa inti pati penting khususnya dalam memantapkan dan memperkasakan tadbir urus universiti. Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian perutusan oleh YBrs. Dr. Anuar Marzuki, Bendahari.

Beberapa slot pengisian seperti Membaca: Kepentingan atau kemestian yang disampaikan oleh Ketua Pustakawan, Encik Noor Hidayat Adnan, Staf Sihat Universiti Hebat dari Pengarah Pusat Kesihatan, Dr. Zaiton Nasir, Pembangunan Infrastruktur UiTM oleh Pengarah Pembangunan Hj. Ir. Junaidi Muslim, Perkembangan Infostruktur UiTM oleh Ketua Pegawai Teknologi Maklumat, Puan Sariani Sarijo dan akhir sekali Undang-undang dan Peraturan oleh Timbalan Ketua Pegawai Undang-undang kanan, En. Sharin Nordin turut diadakan dalam majlis ini.





Perasmian pintu utama **UiTM Kampus Puncak Alam**

Pada 4 April 2019, Perasmian pintu utama UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor telah dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim diiringi oleh Rektor UiTM Cawangan Selangor iaitu Profesor Datuk Dr. Abu Bakar Abdul Majeed. Perasmian pintu masuk ini juga turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Rahillah Rahmat dan Jurutera Daerah JKR Kuala Selangor, Ir. Muhammad Yusri Ahmad.

Pembinaan jalan masuk utama UiTM Kampus Puncak Alam ini adalah sebahagian daripada skop Projek Private Funding Initiative (PFI) yang melibatkan Kompleks Alam Bina dan Seni Reka. Di samping itu juga, pembukaan pintu masuk ini merupakan projek yang dinanti-nantikan oleh warga Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor.

Dengan pembukaan pintu utama UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor, akan memendekkan perjalanan warga Kompleks Alam Bina dan Seni Reka serta seluruh warga Kampus Puncak Alam.





UiTM Cipta Rekod Baharu!!

Program University Community Engagement (UCE) Mural Tapak Tangan Paling Banyak Secara Serentak yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diadakan pada 6 April 2019 bertempat di Rumah Seri Kenangan Cheras. Pelaksanaan program ini telah memecah rekod Malaysia Book of Record, iaitu dengan 130,585 Mural Tapak Tangan secara serentak di seluruh negara.

Program ini dilaksanakan secara serentak di 81 Institusi Berdaftar JKM Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak dengan penglibatan seramai 4,000 sukarelawan UiTM dan 2,205 sukarelawan JKM. Penganjur bersama yang menjayakan program ini termasuklah Pusat Kokurikulum UiTM Shah Alam. Pemegang PI Kesukarelawanan UiTM mengambil inisiatif melaksanakan program berbentuk *University Community Engagement (UCE)* yang melibatkan para pelajar dan penghuni Institusi Berdaftar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Program telah dihadiri oleh Naib Canselor UiTM YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim dan YBhg. Prof. Dr. Azizan Abdullah, Timbalan Naib Canselor HEP UiTM. Objektif utama program ini adalah untuk membudayakan nilai-nilai murni melalui pelaksanaan program kesukarelawanan secara kolaborasi strategik antara universiti dan masyarakat.



SHAH ALAM, 28 April 2019 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah menganjurkan program *Clean and Care Walk 2019* dengan penyertaan terbesar seramai 2072 orang mahasiswa UiTM Shah Alam dan mencipta rekod baharu dalam *Malaysia Book of Record* (MBR) sebagai Acara Plogging Terbesar di Malaysia.

Program yang telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM ini telah disertai oleh mahasiswa Kolej Seroja dan Meranti serta wakil daripada tujuh buah kolej kediaman dalaman UiTM Shah Alam yang lain. Plogging merupakan satu aktiviti yang menggabungkan aktiviti jogging sambil mengutip sampah (picking up litter) yang telah berlangsung sepanjang lima kilometer bermula dari Kolej Kediaman Seroja, UiTM menuju ke Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Program ini dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, YB Najwan Halimi mewakili Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid Abd Samad. YB Najwan juga turut merasmikan Majlis Penutupan Program Kesejahteraan Mahasiswa UiTM 2019 yang telah berlangsung selama empat hari bermula pada 25 sehingga 28 April 2019. Pelbagai pengisian telah dijalankan antaranya Kempen Kesejahteraan Pelajar, Ceramah Keselamatan dan Forum Kesejahteraan, Pertandingan Sketsa Kesejahteraan, Konvoi Motosikal dan Taklimat Keselamatan oleh agensi keselamatan serta pameran dari 15 buah agensi kerajaan.

Semasa berucap di Majlis Penutupan Program Kesejahteraan Mahasiswa UiTM 2019 ini, YB Najwan berkata bahawa beliau serta pihak kerajaan amat menyokong program seperti ini yang akan dapat menggalakkan komuniti untuk mengurangkan penggunaan bahan yang tidak lupus secara organik seperti polisterin dan plastik. Selain itu, program sebegini akan dapat memberi panduan kepada komuniti setempat tentang cara-cara menjaga alam sekitar, serta menghijaukan dan mengindahkan kawasan persekitaran serta mengamalkan cara hidup yang mengutamakan kelestarian alam.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor UiTM Hal Ehwal Pelajar (HEP), Prof. Dr Azizan Abdullah yang mewakili Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim menyatakan bahawa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UiTM akan menjuarai inisiatif kelestarian serta menyokong usaha-usaha pihak MBSA untuk menjadikan Shah Alam bandaraya hijau dan bebas karbon menjelang 2030.

UiTM PECAH REKOD MBR 'PENYERTAAN TERBESAR ACARA PLOGGING'



Majlis Pelancaran SDGTriangle@ UiTM

Pada 19 April 2019, telah berlangsungnya Majlis Pelancaran SDGTriangle@UiTM bertempat di Xcape Resort Taman Negara Pahang. Majlis ini merupakan kerjasama antara Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan), Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI), Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) dan UiTM Cawangan Pahang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg Prof. Ir. Dr Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor.

Matlamat Pembangunan Lestari atau dalam bahasa Inggerisnya, Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan agenda global yang perlu dicakna dan diberi perhatian secara serius oleh setiap ahli akademik universiti. Hal ini kerana dalam Sidang Kemuncak Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Lestari (UN Sustainable Development Summit) di New York pada 2015, Malaysia dan negara-negara anggota lain telah sebulat suara menyatakan komitmen mereka untuk mencapai 17 matlamat pembangunan lestari menjelang tahun 2030. Sehubungan itu, sebagai sebuah institusi ilmu, UiTM juga tidak ketinggalan dalam usaha memikul tanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam menjuarai agenda SDG dan seterusnya mewujudkan inisiatif SDGTriangle@UiTM.

Inisiatif SDGTriangle@UiTM ini diwujudkan bagi merencanakan lagi aktiviti penyelidikan di UiTM terutamanya bagi kajian-kajian yang menjurus kepada sumbangan terhadap matlamat pembangunan lestari. Menerusi inisiatif SDGTriangle@UiTM ini, satu geran penyelidikan dalaman yang bersifat seed grant telah diwujudkan. Geran penyelidikan dalaman SDG akan dibuka kepada semua dan adalah diharapkan ianya dapat menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan. Untuk permulaan, aktiviti-aktiviti penyelidikan di bawah inisiatif ini akan tertumpu kepada kawasan-kawasan di dalam dan di sekitar segi tiga yang dipetakkan di antara empat lokasi penting iaitu Pulau Tuba, Royal Belum, Kuala Keniam dan Taman Negara Ledang.

Empat lokasi ini dipilih untuk membentuk segi tiga yang secara simboliknya menjadi penjenamaan inisiatif SDG memandangkan latar belakang lokasi-lokasi ini yang dapat menyokong penyelidikan berteraskan SDG dan bersifat multidisiplin. Seterusnya, inisiatif SDG akan dikembangkan pula kepada Sabah dan Sarawak. Program Pembangunan Lestari ini akan terus dilaksanakan sehingga mencapai matlamatnya.



FITA WAVE Short Film Awards 2019



Fakulti Filem, Teater dan Animasi dari Universiti Teknologi MARA Shah Alam, akan menganjurkan FITA WAVE Short Film Awards 2019. Fakulti ini akan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Yayasan Hasanah, Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). FITA, JPT, KPM dan lain-lain akan menganjurkan sebuah pertandingan yang berprestij bagi mencungkil idea-idea kreatif yang berteraskan pembelajaran sepanjang hayat dan apresiasi seni budaya masyarakat di Malaysia.



Pertandingan ini bertemakan 'Imaging dan Inspiring Malaysians through Life-Long Learning'. Ini bermaksud, peserta perlu menghasilkan sebuah filem pendek yang berdurasi tidak melebihi 10 minit untuk mengetengahkan keagungan warisan dan budaya yang terdapat di Malaysia. Pertandingan yang bakal diadakan ini bertujuan untuk melahirkan bakat-bakat baru dan menggalakkan serta mendedahkan masyarakat terhadap pembelajaran bidang kreatif seperti yang ditawarkan di FITA.



Penyertaan terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia yang berumur di antara 13 hingga 35 tahun dan tiga jenis kategori penyertaan yang disediakan iaitu pelajar Sekolah Menengah, Kolej dan Universiti awam serta swasta. Filem pendek ini boleh dihasilkan dalam sebarang bahasa namun mesti disertai dengan sari kata bahasa Inggeris. Pertandingan ini menawarkan pelbagai hadiah lumayan yang berupa wang tunai bernilai RM10,000 bagi pemenang tempat pertama, RM5000 bagi pemenang tempat kedua dan RM2000 bagi pemenang tempat ketiga bagi setiap kategori penyertaan. Hadiah wang tunai bernilai RM5000 juga akan diberikan kepada penerima anugerah pilihan khalayak beserta trofi dan sijil penghargaan untuk peserta.

Pada 19 April 2019, telah berlangsungnya program yang dinamakan Bicara Buku Bersama Prof. Madya Dr. Nurhidayah Muhamad Hashim - Read@Uni dengan tema "With Knowledge We Lead". Program tersebut diadakan di Auditorium Cempaka 1, Bangunan Pejabat Dekan (Fakulti Undang-Undang).

Program Bicara Buku merupakan aktiviti yang menggalakkan budaya membaca melalui sesi perkongsian ilmu bersama penulis. Program ini diadakan untuk mempromosikan penerbitan buku dan penulis yang telah memenangi anugerah di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca di kalangan warga universiti melalui sesi perkongsian ilmu bersama penulis dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu.

Program Bicara Buku pada kali ini telah mengupas tajuk buku yang bertajuk Sebelum dan Selepas Ijab dan Qabul: Perspektif Undang-Undang yang telah mengangkat nama Prof. Madya Dr. Nurhidayah Muhamad Hashim sebagai Pemenang Anugerah Buku Negara 2019 bagi kategori Buku Umum Terbaik (Kategori Undang-undang Islam). Dr. Daleeleer Kaur Randawar merupakan salah seorang panel yang turut mengupas tajuk buku The Law On Domestic Violence In Malaysia dimana buku ini juga telah diiktiraf sebagai Pemenang Anugerah Buku Negara 2019 Kategori Buku Sains Sosial Terbaik (Kategori Pengajian Tinggi).

Bicara Buku "With Knowledge We Lead"



MoU antara UiTM dengan PRINCESS NARADHIWAS UNIVERSITY



2 April 2019 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Princess of Naradhiwas University (PNU) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk mengukuhkan lagi hubungan antara UiTM dengan Princess of Naradhiwas University dalam bentuk akademik, kebudayaan dan pendidikan. Majlis itu diketuai oleh Naib Canselor UiTM iaitu Prof. Ir. Dr. Azraai Kassim di Pejabat Canseleri UiTM Shah Alam.

UiTM adalah universiti yang mantap dengan rekod pencapaian kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan dengan program kerjasama dengan rakan antarabangsa. PNU merupakan sebuah universiti yang telah mengekalkan reputasi untuk kecemerlangan akademik dan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan Thailand, selain telah membuat perjanjian pelbagai kerjasama dengan pihak lain untuk meningkatkan hubungan akademik dan kerjasama khususnya dalam bidang sains, teknologi, sains kesihatan, dan sains sosial.

Kedua-dua universiti sangat berharap kerjasama ini menjadi landasan untuk mencari idea-idea baru dan memupuk kecemerlangan dan penyelidikan akademik pada masa hadapan. Kerjasama institut ini penting bagi pembangunan institusi pengajian tinggi, serta meningkatkan pawaian universiti supaya sumbangan yang lebih berkesan dapat dibuat kepada industri, perniagaan dan komuniti, dalam dan luar negara.


SUKOL UiTM 2019



Pada 24 April 2019 telah berlangsungnya Majlis Perasmian dan Penutupan SUKOL 2019. Kejohanan Sukan antara kolej-kolej kediaman UiTM Shah Alam atau lebih dikenali SUKOL ini melibatkan mahasiswa semester permata hingga pelajar semester akhir bagi semua kolej termasuk pelajar non-resident (NR). Majlis perasmian dan penutupan ini telah dirasmikan oleh YB Najwan Halimi Dun Kota Anggerik yang telah diadakan di Stadium UiTM Shah Alam.

SUKOL 2019 bermula dari 5 April hingga 24 April 2019 mempertandingkan sebanyak 25 acara merangkumi kategori berpasukan dan kategori individu. Penganjuran SUKOL setiap tahun adalah untuk menggalakkan pelajar kolej untuk mengambil bahagian dalam kegiatan sukan kampus, membentuk satu budaya masyarakat kampus yang berkualiti, cergas dan sihat. Platform SUKOL juga dapat mengenal pasti bakat-bakat baru yang berpotensi untuk diketengahkan bagi mewakili universiti.

Bagi tahun 2019, Kolej Meranti dan NR telah berkongsi tempat pertama dengan masing-masing mengumpul pungutan mata sebanyak 167 bagi kolej lelaki, manakala Kolej Mawar mendapat tempat pertama dengan pungutan mata sebanyak 225 bagi kolej perempuan. Pada malam kemuncak (penutupan) SUKOL 2019 ini telah diadakan perbarisan daripada pancaragam UiTM, perbarisan kontinjen-kontinjen kolej yang bertanding dan juga penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang.



FKK Anjur International Occupational Safety (IOS) Half Marathon



SHAH ALAM: Program International Occupational Safety (IOS) Half Marathon anjuran Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), dengan kerjasama NIOSH di kampus UiTM Shah Alam, berjaya diadakan pada hari ahad 28 April 2019. Penganjuran IOS Half Marathon diadakan sempena sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja pada setiap 28 April atau lebih dikenali sebagai 'World Osh Day.'

Program larian ini terbuka untuk tiga kategori, iaitu 21-kilometer (km), 10km dan 5km, manakala peserta larian boleh memperoleh lima mata bawah Program Pendidikan Berterusan (CEP) daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Penaja Utama bagi Program ini terdiri daripada Niosh, Serba Dinamik, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP)

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi NIOSH, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof Madya Dr Mohd Fozi Ali , Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia, Prof Ts Dr Norazah Abd Rahman dan Setiausaha Eksekutif NIOSH, Mej (B) Hanif Maidin.

Dalam ucapan bellau, Tan Sri Lee Lam Thye memaklumkan kerjasama yang terjalin antara UiTM dan NIOSH membolehkan mereka memberi kesedaran kepada warga universiti memahami kepentingan Kesihatan Keselamatan pekerjaan (KKP) untuk dijadikan budaya hidup mereka. Program ini bersesuaian dengan tema sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja tahun ini, iaitu 'Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pada Masa Depan'. Warga universiti perlu memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipiuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)
Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto

Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM di hatiku



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasm

Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat